

PSS mahu khidmat NC UMS diteruskan hingga tamat kontrak

UB 21.6.2019 A3

KOTA KINABALU: Persatuan Sama Sabah (PSS) mahu khidmat Naib Canselor Universiti Malaysia Sabah (UMS) Prof Datuk Dr D Kamarudin D Mudin diteruskan sehingga habis kontrak pelantikannya.

Presiden PSS Datuk Haji Abdullah Sibil berkata tidak ada sebab munasabah mengapa perkhidmatannya dipendekkan wal hal beliau (Kamarudin) menunjukkan khidmat cemerlang dan mempunyai tadbir urus yang baik.

"Tiada sebab khidmatnya dipendekkan lantaran beliau memiliki perancangan mantap demi kepentingan UMS," katanya kepada


Utusan Borneo.

Pelantikan jawatan Kamarudin sebagai Nab Canselor bermula Jun 2017 hingga Jun 2020.

Bagaikan apun, difahamkan tempoh perkhidmatannya sebagai Naib Canselor dipendekkan hingga hujung Julai 2019 tanpa sebarang sebab.

Beliau difahamkan Kamarudin tidak pernah dipanggil dan tidak pernah dibawa berbincang mengenai perkara itu.

"Kita mengharapkan Kementerian Pendidikan khususnya Menteri Pendidikan Dr Marszlee Malek membatalkan hasrat memendekkan tempoh



ABDULLAH SIBIL

kontrak Prof Kamarudin sebagai Naib Canselor UMS. Beliau begitu profesional dalam menjalankan

tugasnya.

"Kita mahu khidmatnya diteruskan sehingga kontraknya tamat bagi mengelakkan sebarang persepsi negatif seperti campur tangan politik dalam pentadbiran IPT dan sebagainya," katanya.

Menurutnya, Kamarudin sudah memberikan khidmat yang terbaik dan profesional, dan berjaya letakkan UMS sebagai salah satu universiti terbaik di dunia dan tidak ada sebab mengapa kontraknya tidak diteruskan.

Kamarudin mula menjawat jawatan Naib Canselor UMS pada 18 Jun 2017. Beliau adalah anak bius tempatan pertama menjadi

pakar bius dan anak Sabah ketiga dilantik sebagai Naib Canselor selepas Prof Datuk Mohd Harun Abdullah dan Prof Datuk Seri Dr Kamaruzaman Ampon.

Sebelum menjabat jawatan Naib Canselor, Kamarudin pernah memegang jawatan Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) dan Dekan Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan.

Beliau dilahirkan di Kota Belud dan menyertai UMS pada 2004. Sebelum itu, beliau berkhidmat di Hospital Queen Elizabeth selama 12 tahun dan pakar bius tempatan pertama di Sabah.